

14 OCT 1996

PM NAK RASMI ITX '96 PADA 19 DISEMBER

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan membuka dan menyampaikan ucapan utama pada pameran empat hari ITX '96 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini pada 19 Disember.

Dr Mahathir, yang juga pengerusi Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC), akan berucap mengenai "Ke Arah Satu Masyarakat Bermaklumat -- Mewujudkan Persekitaran Untuk Perubahan" yang akan mengutarakan agenda Teknologi Maklumat (IT) negara.

Setiasusaha Tetap kepada NITC, Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen, berkata ITX, yang memasuki tahun kelapan, akan menghimpunkan lebih daripada 120 pempamer tempatan dan antarabangsa. Antara pempamer utama ialah AIT, Artwright, Compaq Computer (M) Sdn Bhd, Hitechniaga Sdn Bhd, IBM World Trade Corporation Malaysia, NEC, Oracle Systems Malaysia Sdn Bhd, PK Electronics, Renong, Siemens Nixdorf dan Sime Darby Systems.

ITX '96, yang dijangka menarik lebih 40,000 pengunjung, akan diadakan serentak dengan persidangan kebangsaan INFOTECH Malaysia '96 yang akan diadakan bagi kali kedua, dari 18 Dis hingga 21 Dis di tempat yang sama.

Dr Azzman berkata persidangan itu akan mengumpul beberapa cetusan pemikiran ke arah penggubalan satu pelan tindakan IT untuk negara. --  
BERNAMA

RIZ sia